

06/06/2001

Penolong Gabenor Bank Negara letak jawatan mahu aktif Umno

Saidon Idris

KUALA LUMPUR, Selasa - Timbalan Ketua Umno Bachok, Datuk Dr Awang Adek Hussin, meletak jawatannya sebagai Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) untuk terbabit secara aktif dalam politik.

Sumber-sumber yang rapat dengan bank pusat itu memberitahu, peletakan jawatan beliau berkuat kuasa 1 Jun lalu. Ia dipercayai mempunyai kaitan dengan jawatan penolong gabenor itu dalam Umno.

BNM ketika dihubungi mengesahkan peletakan jawatan Dr Awang Adek.

"Bank Negara Malaysia mengumumkan, selepas 16 tahun berkhidmat dengan bank (pusat), Penolong Gabenor, Datuk Dr Awang Adek meletakkan jawatan untuk bergiat aktif dalam politik," kata kenyataan ringkas bank pusat itu, hari ini.

Pada pemilihan peringkat bahagian April lalu, Dr Awang Adek, 46, yang sudah menjadi ahli Umno cawangan Perupok sejak 1997, memenangi jawatan Timbalan Ketua Umno Bahagian Bachok.

Beliau bertanding bagi jawatan itu selepas Umno, pada perhimpunan khas November tahun lalu, meluluskan pindaan fasal 6.3.4 perlembagaannya bagi membolehkan pegawai kumpulan A bertanding dan jika dipilih, boleh memegang jawatan dalam parti.

Bagaimanapun, Perkara 21 (1) Perintah Am Untuk Kakitangan Awam (Perilaku dan Disiplin) 1993 melarang pegawai dalam jawatan utama sektor awam serta kumpulan pengurusan dan profesional mengambil bahagian secara aktif dalam parti politik.

Berdasarkan Perkara 21(5), mereka hanya dibenar menjadi anggota biasa dan dikehendaki memberitahu ketua jabatan mengenai keanggotaan mereka dalam parti politik.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengulas perkara itu April lalu berkata, kerajaan hanya boleh mempertimbangkan pegawai kumpulan A yang tidak mempunyai percanggahan kepentingan untuk bergiat cergas dalam politik kepartian.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, pegawai yang tidak mempunyai percanggahan kepentingan boleh meminta kebenaran berbuat demikian dan terpulang kepada kerajaan membenarkannya atau tidak.

Dalam hubungan ini, sumber-sumber berkata, peletakan jawatan Dr Awang Adek itu mungkin berkaitan dengan pematuhannya terhadap perintah am berkenaan.

Berikutan peletakan jawatan Dr Awang Adek itu, BNM dijangka membuat rombakan dalam pengurusan kanannya.

BNM kini mempunyai lima penolong gabenor. Selain Dr Awang Adek yang mengetuai bahagian kawal selia perbankan, insurans dan kawalan pertukaran asing, penolong gabenor lain ialah Datuk Zamani Abdul Ghani, Datuk Mohamad Daud Dol Moin, Latifah Merican Cheong dan Mohd Razif Abdul Kadir.

Sementara itu, Dr Awang Adek adalah antara nama yang disenaraikan sebagai tokoh yang mungkin mengisi jawatan Menteri Kewangan selepas ia dikosongkan Tun Daim Zainudin, Sabtu lalu.

Selain beliau, turut disebut bakal mengisi kekosongan itu ialah Gabenor BNM, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz dan penasihat khas ekonomi Perdana Menteri, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman.

Spekulasi mengenai tiga tokoh ini dibuat berdasarkan pengalaman mereka dalam bidang ekonomi dan kewangan, manakala pelantikan profesional yang bukan ahli politik ke dalam Kabinet, bukan perkara baru.

Sebelum ini, tokoh bukan politik, bekas Naib Canselor Universiti Sains

Malaysia, Tan Sri Musa Mohamad, dilantik sebagai Menteri Pendidikan.

Tokoh politik yang disebut-sebut bakal menggantikan Daim ialah Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz, dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

(END)